

# Silat Budi Suci nafi terbabit 4 cetus kacau di Singapura

JOHOR BAHRU, Jumaat — Persatuan silat Kumpulan Budi Suci Sejati di sini hari ini menafikan sebarang pertalian dengan kegiatan empat orang Melayu yang didakwa cuba mencetuskan peristiwa 13 Mei di Singapura, April lalu.

Persatuan itu juga menyangkal dakwaan bahawa pertubuhan itu menjanjikan bantuan jika kekacauan kaum berlaku di Singapura.

Jurucakap persatuan, Encik Masrun Haji Hashim, 34, berkata Kumpulan Budi Suci Sejati tidak diwujudkan untuk mencetuskan kekacauan kaum atau revolusi.

"Ia adalah pertubuhan yang lebih mementingkan ilmu mempertahankan diri dan rekreasi," katanya ketika mengulas kenyataan Menteri Dalam Negeri Singapura, Prof S Jayakumar, yang mendakwa empat orang Melayu yang ditahan mengikut Akta Keselamatan negeri Singapura April lalu mempunyai kaitan dengan persatuan itu.

Prof Jayakumar, yang membuat dakwaan itu di Parlimen Singapura kelmarin, berkata tiga daripada empat rakyat Singapura keturunan Melayu itu menjalani latihan khas dengan Kumpulan Budi Suci Sejati di Skudai. *Politik-mura*

Prof Jayakumar menambah Maznan Awi, 30, sebagai ketua kumpulan empat lelaki itu. Tiga lagi yang masih dalam tahanan Singapura ialah Mohamed Noor Kasmadi, 31, Abdul Gani Abdul Rahman, 31, dan Mohamed Jumaat Rahmat, 20.

Encik Masrun, anak pengasas Kumpulan Budi Suci Sejati, Haji Hashim, berkata beliau tidak mempunyai apa-apa untuk dirahsiakan dan sudah memberi kerjasama kepada polis Malaysia mengenai perkara itu.

# Budi Suci nafi ada kaitan dengan empat Melayu yang ditahan

*Politik-mura*

JOHOR BAHRU — Persatuan silat Kumpulan Budi Suci Sejati di sini, kelmarin, menafikan sebarang pertalian dengan kegiatan empat orang Melayu yang didakwa cuba mencetuskan rusuhan kaum di Singapura, April lalu. *Politik-mura*

Persatuan itu juga menyangkal dakwaan bahawa pertubuhan tersebut menjanjikan bantuan jika kekacauan kaum berlaku di Singapura.

Jurucakap persatuan itu, Encik Masrun Haji Hashim, 34 tahun, berkata Kumpulan Budi Suci Sejati tidak diwujudkan untuk mencetuskan kekacauan kaum atau revolusi.

"Ia adalah pertubuhan yang lebih mementingkan ilmu mempertahankan diri dan rekreasi," katanya ketika mengulas kenyataan Menteri Ehwal Dalam Negeri Singapura, Profesor S. Jayakumar, yang mendakwa empat orang Melayu yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Negeri Singapura April lalu mempunyai kaitan dengan persatuan itu. — BHM.

## Rusuh kaum: Majlis Silat Johor tak tahu

JOHOR BAHRU — Majlis Silat Johor tidak menyedari tentang adanya sebarang kumpulan silat di negeri itu yang terlibat dalam percubaan untuk mencetuskan kegelisahan kaum di Singapura seperti yang didakwa oleh pemerintah Republik itu.

Setiausaha Majlis itu, Haji Ahmad Lahap berkata bahawa beliau tidak didatangi oleh pihak berkuasa yang menyiasat dakwaan mengenai kaitan penangkapan empat orang di Singapura di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada April lalu dengan sebuah kumpulan silat di sini.

Pada minggu lalu, Menteri Ehwal Dalam Negeri Singapura Profesor S. Jayakumar memberitahu Parlimen bahawa tiga

orang yang ditahan telah menjalani latihan silat dengan Kumpulan Budi Suci Sejati (KBBS) di Skudai.

Beliau menambah bahawa mereka telah dijanjikan bantuan oleh kumpulan-kumpulan KBBS yang berpangkalan di Johor dan Kuala Lumpur jika berlaku kekacauan di Republik tersebut. — 4 AUG 1987

Encik Lahap berkata, majlis yang mengawasi kegiatan-kegiatan kumpulan silat di negeri itu, tidak diberi arahan untuk menjalankan penyiasatan ke atas sebarang kumpulan silat.

Ia juga tidak sedar sebarang langkah untuk memotong dari pada senarai sebarang kumpulan silat kerana terlibat dalam komplot terhadap pemerintah Singapura. — NST.